

PERANAN ZAKAT DAN WAKAF DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI : KAJIAN TINJAUAN LITERATUR

Norly Marlia Kamaruddin^{a*}, Nurul Nadiah Abdul Manap^b, Mohammad Dzarul Hafiz Dol Malek^c, Mohd Khairy Kamarudin^d

^a*Postgraduate Candidate, Academy of Islamic Civilization, Faculty of Social Sciences and Humanities, University Technology Malaysia. Email: norlymarlia@graduate.utm.my*

^b*Postgraduate Candidate, Academy of Islamic Civilization, Faculty of Social Sciences and Humanities, University Technology Malaysia. Email: nadiah90@graduate.utm.my*

^c*Postgraduate Candidate, Academy of Islamic Civilization, Faculty of Social Sciences and Humanities, University Technology Malaysia. Email: mohammaddzarulhafiz@graduate.utm.my*

^d*Senior Lecturer, Academy of Islamic Civilization, Faculty of Social Sciences and Humanities, University Technology Malaysia. Email: mohdkhairy@utm.my*

*Corresponding Author

Article info

Received:

28/02/2024

Received in revised form:

06/03/2024

Accepted:

08/03/2024

Available online:

15/04/2024

Keywords:

Wakaf;

Zakat;

Pengagihan harta ;

DOI:

[10.24191/JIPSF/v6n12024_108-116](https://doi.org/10.24191/JIPSF/v6n12024_108-116)

Abstrak

Peranan zakat dan wakaf amat penting dalam pembangunan ekonomi sesebuah negara. Agihan harta zakat dan wakaf membantu menjaga kebijakan ummah, menjaga keadilan sosial dalam masyarakat dan mengelakkan harta dimonopoli oleh golongan tertentu sahaja. Objektif kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui peranan zakat dan wakaf dalam pembangunan ekonomi umat Islam secara khusus. Kajian ini membawa pendekatan kajian perpustakaan dengan mengkaji pelbagai rujukan daripada artikel dan jurnal. Hasil kajian mendapati amalan zakat dan wakaf membantu memenuhi keperluan ekonomi umat Islam dalam industri keusahawanan, kebijakan sosial dan peningkatan taraf pendidikan.

THE ROLE OF ZAKAT AND WAQF IN THE ECONOMIC DEVELOPMENT: REVIEW OF LITERATURE

Abstract

The practice of zakat and waqf is very important in the economic development of a country, safeguarding the welfare of the ummah and ensuring the distribution of property to maintain social justice in society

and avoid being monopolized by certain groups only. The objective of this study is to know the role of zakat and waqf. This study brings the library study approach by examining various references from articles and journals. The results of the study found that the practice of zakat and waqf helps in the entrepreneurship, social welfare and education standards industries.

Keywords: *waqf, zakat, distribution of property*

PENGENALAN

Sumber ekonomi utama yang menjadi teras kekayaan semasa zaman pemerintahan kerajaan Islam di Madinah adalah kutipan hasil zakat. Walau begitu, pungutan hasil dari wakaf secara umum telah menjadi sumber utama kekayaan baitulmal. Sumber-sumber ini telah menanggung sebahagian besar keperluan pemerintahan Islam pada masa itu, yang terpusat di Madinah, serta berjaya menyokong aktiviti dakwah Islam dan memenuhi keperluan masyarakat tempatan.

Antara sumber utama pendapatan bagi negara Islam adalah zakat, yang merupakan satu daripada lima rukun Islam. Zakat merupakan kewajiban yang wajib ditunaikan oleh orang-orang yang berkemampuan dan kaya, dengan tujuan memastikan keadilan sosial bagi seluruh rakyat. Perkara ini jelas berdasarkan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, “Beritahulah mereka bahawa Allah mewajibkan zakat ke atas mereka yang diambil daripada golongan yang kaya dan diberikan kepada yang fakir di kalangan mereka” (al-Muslim, Sahih al-Muslim, Kitab al- Iman, Bab al-Du‘a ila al-Shahadatayn wa Shara‘i‘ al-Islam, hadis no. 19).

Sumber pendapatan zakat datang dari pelbagai punca pendapatan seperti kekayaan yang disimpan beku, hasil pertanian, ternakan, emas dan sebagainya. Semua harta atau benda yang dikenakan cukai apabila ia mencapai nilai minimum tertentu yang dipanggil nisab yang berbeza kadarnya bagi setiap barang (Mannan, 2007: 190-191). Di dalam al-Qur'an contohnya, nisab zakat pertanian dikira apabila mereka memperoleh hasil tanaman. Firman Allah SWT yang bermaksud,

Dia lah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah daripada buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya; dan janganlah kamu melampau (pada apa-apa juga yang kamu makan atau belanjakan); sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang melampau (al-Qur'an, al-An'am 6:141).

Bentuk harta yang wajib dikenakan zakat pada dasarnya boleh dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu zakat harta dan zakat fitrah. Jenis harta yang wajib dikenakan zakat adalah seperti al-mashiya (zakat ternakan), al-'ayn (emas, perak, dan syiling), al- harth (zakat tanaman atau hasil pertanian), al-rikaz (harta karun) di samping barang dan madu (Siddiqi, 1984). Ibn Hazm telah berpendangan bahawa zakat hanya diwajibkan ke atas lapan jenis harta yang pernah dikutip zakatnya oleh Rasulullah SAW. Dalam kitab al-Muhalla, beliau menyebut bahawa jenis harta tersebut adalah unta, lembu, kambing, gandum, biji gandum, kurma, perak dan emas. Bahkan Ibn Hazm berpendapat anggur kering pun tidak diwajibkan zakat kerana hadisnya tidak sahih (Ahmad Shahir & Adibah, 2010). Kutipan-kutipan zakat ini pada dasarnya adalah sumber utama dalam kumpulan harta baitulmal (Hailani, 2007:27).

Projek-projek wakaf juga merupakan salah satu sumber utama dalam pembangunan ekonomi dalam Ketika pemerintahan Islam. Lebih dari seribu empat ratus tahun yang lalu, perundungan Islam telah mengiktiraf institusi wakaf sebagai satu sistem perundungan yang memberikan faedah kepada masyarakat. Di dalam sistem wakaf ini, individu dibenarkan untuk melupuskan hartanya bagi kegunaan penerima yang ditentukan secara kekal. Semenjak itu, institusi wakaf terus diamalkan dan berkembang subur diseluruh dunia Islam. Malah, peranan dan sumbangan institusi wakaf telah menjadi lambang keagungan dan kehebatan landskap Islam. Ini dapat dilihat menerusi terciptanya binaan yang hebat seperti Taj Mahal di India kepada jambatan Mostar di Bosnia, daripada Masjid Al -Aqsa di Jerusalem

kepada Universiti Al-Azhar di Mesir, daripada hospital kanak-kanak Shishi di Istanbul Turki, kepada Pengairan Air Zubaida di Makkah (Siraj Sait dan Lim, 2006).

Amalan wakaf buat julung kalinya dalam Islam telah dipraktikkan oleh Baginda Rasullullah S.A.W apabila Baginda membina masjid Quba' di atas tanah yang diwakafkannya ketika penghijrahan Baginda dan para sahabat ke Madinah. Selain itu, pembinaan Masjid Nabawi di Madinah juga menggunakan sumber wakaf. Amalan wakaf kini terus hidup subur melalui para sahabat dan tabiin yang mewakafkan harta untuk kepentingan dan pengembangan syiar Islam. Semangat dan keyakinan masyarakat Arab terhadap mekanisme wakaf dalam membangunkan syiar Islam sangat menggalakkan. Sebahagian kenyataan menyatakan bahawa telah menjadi tradisi bagi masyarakat Arab untuk mewakafkan 1/3 hartanya sebelum meninggal dunia.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Persaudaraan umat Islam digambarkan sebagai satu bangunan yang saling sokong menyokong dan penzahiran persaudaraan ini bukan semata-mata dalam bentuk pertolongan dari segi tenaga sahaja malah Islam turut mengajar umatnya supaya tololng-menolong dan bantu membantu dalam bentuk wang dan harta benda. Bantuan dan pemberian wang dan harta benda ini bukan kerana mahukan sesuatu dari manusia tetapi kerana mahukan keredhaan Allah. Oleh itu selain zakat, hibah dan sebagainya, umat Islam akan berkongsi harta kekayaannya dengan orang lain melalui pemberian wakaf. Persaudaraan umat Islam adalah seperti megahnya sebuah bangunan yang berdiri teguh atas dasar saling sokong-menyokong. Namun, jalinan persaudaraan ini tidak hanya terbatas kepada bantuan tenaga sahaja kerana Islam turut menggalakkan umatnya saling bantu-membantu dalam bentuk wang dan harta benda. Setiap pemberian ini tidaklah dimotivasi oleh keinginan mendapat balasan dari manusia, tetapi semata-mata untuk mendapat keredhaan Allah. Selain dari zakat, hibah, umat Islam berkongsi kekayaannya dengan orang lain melalui pemberian wakaf, seterusnya menjadikan ikatan persaudaraan mereka semakin kukuh dan berkekalan.

Setiap kerajaan atau pemerintah memerlukan dana atau sumber pendapatan untuk mentadbir negara, meningkatkan ekonomi, mencapai kesejahteraan sosial yang lebih baik dan menuju kemajuan. Sumber dana yang diperoleh amat penting bagi tujuan tadbir urus, malahan dana ekonomi yang diperoleh dari pelbagai sumber amat penting bagi memberi kemudahan dan kemakmuran kepada rakyat di bawah naungan pemerintah (Normadiah, 2009: 127). Ketika umat Islam menyumbangkan harta mereka sebagai wakaf, ia bukan sekadar memberi, namun ia adalah semangat atau satu pengorbanan untuk mencari redha Allah dan keberkatan. Pengagihan harta secara adil bagi memenuhi kepentingan pelbagai pihak adalah sangat penting bagi menjamin kestabilan dan pembangunan ekonomi negara. Institusi wakaf telah diterima dan menjadi satu sistem kehidupan yang sangat penting kini, dan sekaligus telah memainkan peranannya sebagai sumber pembiayaan dalam pelbagai bidang kehidupan masyarakat Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan kajian kepustakaan dalam mengumpul data. Dokumen dokumen dari pelbagai bentuk diteliti dan dikaji untuk mendapatkan data-data yang bersesuaian dengan kehendak kajian. Kajian ini memberi tumpuan kepada data-data yang terdapat dalam buku-buku, kajian-kajian lepas, kertas kerja, artikel dan sebagainya untuk dianalisa. Dalam kajian ini, pengkaji perlu mencari bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Data-data yang diperoleh dianalisa menggunakan kaedah analisis kandungan dan diuraikan secara induktif dan deduktif.

KAJIAN LITERATUR

I. Konsep Zakat

Sistem zakat di Malaysia adalah sistematik dan bersepadan mengikut setiap pengurusan di bawah negeri. Perlaksanaan zakat ini dapat meningkatkan sistem ekonomi setiap negeri dan membasihi kadar kemiskinan kepada orang Islam. Contohnya zakat dapat membantu para peniaga menyelesaikan hutang atau memberi modal pinjaman tanpa ada riba. Ini juga disebutkan sebagai bantuan sosio-ekonomi. Perkara ini juga dapat membantu memenuhi keperluan asas seseorang sekali gus memenuhi keperluan maqasid syariah di dalam masyarakat. Pada masa kini, umat Islam sering berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam aspek politik, ekonomi dan sosial yang memerlukan kepada satu sistem sokongan kemasyarakatan yang utuh dalam mewujudkan kesejahteraan dalam kalangan manusia. Maka, zakat dilihat sebagai antara mekanisme utama sebagai pemangkin ketamadunan ummah yang berkesan serta sesuai dengan peredaran dan perkembangan dunia semasa. Pengurusan dan pentadbiran dana zakat di Malaysia dikendalikan oleh pihak Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagaimana yang telah diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Negeri masing-masing (Hafiz dan Nabilah, 2016). Setiap bidang dan skop yang bersistematis telah menjadikan perlaksanaan kutipan zakat ini lebih cekap dan terurus. Ini dapat dilihat apabila berlaku peningkatan hasil zakat pada tahun 2015 hampir RM3 bilion dana zakat telah dikutip. Faktor kesedaran yang dilakukan oleh Majlis Agama Islam Negeri dalam masyarakat untuk mengeluarkan zakat telah berjaya menarik minat mereka.

Untuk menjamin kestabilan ekonomi serta membantu pembangunan ekonomi negara, kutipan zakat perlu dilaksana (Zainol & Kamil, 2009: 32-33). Taraf ekonomi yang berkembang dengan baik tidak hanya melihat kepada perkembangan ekonomi dan keutuhan nilai mata wang, tetapi juga berkaitan dengan pembasmian kemiskinan rakyat secara menyeluruh. Justeru, zakat amat penting pada institusi baitulmal kerana peranannya sebagai mekanisme jaminan sosial pemerintah terhadap rakyat dalam sesebuah negara. Hal ini kerana zakat dipungut daripada lebihan harta dan hasil pendapatan masyarakat yang berkemampuan untuk diagihkan kepada asnaf yang layak menerima. Jaminan sosial ini penting untuk memenuhi asas keperluan individu serta mencapai matlamat maqasid syariah yang sebenar sehingga mencapai suatu tingkat hidup yang lebih baik (Hailani, 2007: 27). Pada zaman Rasulullah S.A.W, aktiviti kutipan dan pengagihan zakat ini amat penting sehinggakan baginda melantik pegawai-pegawai khas pemungut zakat dari kalangan umat Islam. Pelantikan mereka ini bagi memastikan sistem pungutan dan agihan yang sistematis dan telus (Ahmad Ilyas, 2001: 190). Baginda memberi panduan secara terperinci dan bertulis kepada mereka kerana zakat yang dipungut merangkumi pelbagai perbahasan penting. Tambahan pula, kutipan zakat telah menjadi teras yang pertama kepada sistem fiskal ekonomi Islam (Monzer 2015: 215).

Bentuk harta yang wajib dikenakan zakat pada dasarnya boleh dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu zakat harta dan zakat fitrah. Jenis harta yang wajib dikenakan zakat adalah seperti al-mashiya (zakat ternakan), al-'ayn (emas, perak, dan syiling), al- harth (zakat tanaman atau hasil pertanian), al-rikaz (harta karun) di samping barang dan madu (Siddiqi, 1984). Ibn Hazm telah berpendangan bahawa zakat hanya diwajibkan ke atas lapan jenis harta yang pernah dikutip zakatnya oleh Rasulullah SAW. Dalam kitab al-Muhalla, beliau menyebut bahawa jenis harta tersebut adalah unta, lembu, kambing, gandum, biji gandum, kurma, perak dan emas. Bahkan Ibn Hazm berpendapat anggur kering pun tidak diwajibkan zakat kerana hadisnya tidak sahih (Ahmad Shahir & Adibah, 2010). Kutipan-kutipan zakat ini pada dasarnya adalah sumber utama dalam kumpulan harta baitulmal (Hailani, 2007: 27).

Perkara yang menarik tentang zakat yang ditetapkan oleh syariat adalah meletakkan keadilan dan kebijakan terhadap individu sehingga dapat dilihat dalam penentuan nisab zakat yang ditentukan. Sebagai contoh, terdapat hadis yang menerangkan tentang kadar pengeluaran zakat pertanian sebanyak 5% atau 10% berdasarkan kaedah pengairan yang digunakan. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, "Tanaman yang diairi oleh hujan, sungai-sungai dan mata air atau yang mendapat air dari saliran (atau melalui akarnya) hendaklah dikeluarkan (zakatnya) sepersepuluh (1/10). Tanaman yang diairi dengan unta pengangkut air atau dengan menimba, hendaklah dikeluarkan seperdua puluh (1/20)" (al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-Zakat, Bab al-'Ushr fi ma Yusqa min Ma'i al-Sama' wa bi al-Ma'i al-Jari, hadis no. 1483).

Mohd Shukri dan Zahri (2017: 41) menjelaskan maksud hadis ini dengan menyatakan kadar 10% dikenakan jika pengairan tanaman yang sampai ke ladang tidak melibatkan modal yang banyak, kerja yang berat atau sistem pengairan yang mudah dilakukan. Manakala zakat pada kadar 5% dikenakan jika tanaman diairi dengan bantuan binatang, kincir air, jentera dan alat bantuan pengairan yang digunakan. Secara mudah dijelaskan bahawa nisab zakat yang ditentukan oleh Rasulullah SAW ini adalah berdasarkan pada beban pengairan tanaman atau tahap kesukaran petani menguruskan tanaman mereka (al-Buhuti, 1999:274). Justeru, ketetapan yang dibuat ini merupakan ciri- ciri keadilan dan kebijakan yang ditonjolkan oleh baginda agar zakat yang dikutip adalah tidak membebankan.

II. Konsep Wakaf

Fakta sejarah telah menyatakan bahawa 3/4 daripada keluasan tanah Arab merupakan tanah wakaf. Model institusi wakaf yang paling berjaya adalah wakaf Al-Azhar di Negara Mesir di mana iaanya dikendalikan oleh sebuah kementerian khas yang dinamakan Kementerian Wakaf. Wakaf Al-Azhar dipercayai mempunyai aset yang banyak sehingga ia mampu membiayai pelbagai program untuk pembangunan masyarakat Islam di Mesir seperti sekolah, hospital, universiti dan sebagainya. Universiti Al-Azhar adalah satu institusi pendidikan Islam yang dibiayai sepenuhnya melalui sumber wakaf yang mempunyai puluhan ribu pelajar dari seluruh dunia. Bagi masyarakat Islam di Malaysia amalan wakaf telah lama diperaktikkan dan menjadi sebahagian dari kehidupan masyarakat Melayu khususnya sebelum kedatangan penjajahan barat. Sebelum tahun 1950an kebanyakan harta wakaf adalah untuk tujuan pembangunan institusi keagamaan seperti pembinaan surau, masjid, madrasah, kubur dan sekolah agama. Hal-ehwal pengurusannya pula ketika itu ditadbir oleh cerdik pandai Islam dan pemimpin masyarakat seperti imam, ketua kampung, lebai, kiyai dan ulama'. Di Negeri-negeri Utara dan Pantai Timur banyak madrasah dan ma'had tahniz yang dibina melalui sumber wakaf dan kebanyakan masjid dan surau di kampung-kampung pada masa dahulu adalah dibina di atas tanah yang diwakaf oleh individu.

Wakaf berasal dari bahasa Arab *waqf*, iaitu nama terbitan (*masdar*) dari kata kerja *waqfa*, ia mempunyai pelbagai makna mengikut tujuan dan penggunaan ayat itu sendiri. Dari segi bahasa, Wakaf memberi makna berhenti, menahan, menghalang dan menegah. Ulama fiqh sepakat mentakrifkan wakaf mengikut istilah bahasa dengan *al-habs* ertiannya menahan kerana perkataan *al-habs* itu lebih hampir kepada pengertian syarak. Lebih-lebih lagi perkataan *al-habs* itu banyak diucapkan oleh Rasulullah SAW dalam beberapa buah hadisnya, antaranya:

“Wakafkanlah tanah itu dan berilah hasil buahnya sebagai sedekah”

Wakaf Menurut Istilah Syarak ialah suatu bentuk penyerahan harta sama ada secara (*sorih*) terang, atau (*kinayah*) sindiran, di mana harta berkenaan ditahan dan hanya manfaatnya sahaja yang diaplakasikan untuk tujuan-tujuan kebijakan sama ada berbentuk umum mahupun khusus. Dari segi istilah ia bermaksud menahan sesuatu harta seseorang untuk dimanfaatkan oleh orang lain. Harta yang diwakafkan hendaklah berada dalam keadaan yang baik, kekal dan tujuan ia melakukan wakaf adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan memberi kebijakan kepada orang lain. Pewakaf juga tidak lagi mempunyai hak ke atas harta wakaf tersebut. Wakaf bererti apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya, untuk kebijakan dengan niat untuk mendekatkan diri pewakaf kepada Allah SWT. Jadi secara umumnya wakaf bermaksud menahan zat sesuatu barang daripada dijual, digadai, dihibahkan serta tidak boleh dipindahkan sebagai warisan demi manfaatnya telah disedekahkan ke jalan Allah.

Wakaf merupakan satu amal soleh yang sangat dituntut oleh agama Islam. Seperti mana sedekah, wakaf juga merupakan amalan yang telah dijanjikan ganjaran pahala yang amat besar oleh Allah SWT. Malahan, apa yang lebih istimewa lagi adalah pahalanya akan berterusan dan kekal berpanjangan selagi harta yang diwakafkan masih wujud dan boleh dimanfaatkan walaupun pewakafnya (*waqif*) telah meninggal dunia. Wakaf berbeza dengan zakat kerana zakat adalah wajib manakala wakaf adalah secara

sukarela. Benefisiari (penerima) zakat (lapan asnaf/kategori) disebut secara jelas dalam Al-Quran tetapi benefisiari dana wakaf tidak dinyatakan dengan jelas. Walaupun begitu, tujuan wakaf perlulah untuk kebaikan, selagi ia tidak melanggar syariat Islam. Manakala Muhammad ‘Arfah al-Dusuqi pula menjelaskan bahawa wakaf adalah memberikan manfaat sesuatu harta yang dimiliki kepada orang yang berhak dengan satu akad dalam jangka masa tertentu, sesuai dengan kehendak pewakaf. Menurut Ibn Qudamah dari ulama Mazhab Hanbali menyatakan bahawa wakaf adalah menahan yang asal dan memberikan hasilnya.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN KAJIAN

Kategori Wakaf Di Malaysia

Pada awalnya, bentuk perwakafan di Malaysia hanya tertumpu kepada wakaf am dan wakaf khas sahaja. Namun, seiring dengan perkembangan teknologi dan masa, terdapat pelbagai bentuk perwakafan yang kita boleh dapati hari ini. Kajian oleh Asmak Ab Rahman pada 2009 telah menyenaraikan jenis-jenis wakaf seperti yang berikut :

1. Wakaf Am

"Wakaf Am" merujuk kepada wakaf yang dilakukan untuk kepentingan umum atau kebaikan umum. Dalam konteks Islam, wakaf am adalah sumbangan atau endowment yang ditujukan untuk kegunaan yang meluas kepada masyarakat atau untuk tujuan kebaikan umum seperti pendidikan, kesihatan, bantuan sosial, dan pemeliharaan institusi keagamaan. Wakaf am bertujuan untuk memberi manfaat kepada sebanyak mungkin orang dalam masyarakat dan meningkatkan kesejahteraan umum.

2. Wakaf Khas

Menurut peruntukan undang-undang, wakaf khas bermaksud "sesuatu wakaf yang diwujudkan bagi tujuan khairat khusus". Dalam wakaf khas ini, seseorang pewakaf telah menetapkan daripada awal lagi si penerima harta wakaf dan telah menetapkan tujuan harta diwakafkan. Sebagai contoh, pewakaf mewakafkan tanah untuk dijadikan tanah perkuburan atau sekolah ataupun mewakafkan tanah untuk orang miskin.

3. Wakaf Wang atau Wakaf Tunai

Wakaf wang atau lebih dikenali sebagai wakaf tunai pula adalah wakaf yang menggunakan mata wang demi manfaat umat Islam secara umum, menggunakan wang tunai yang dikumpul di dalam satu tabung amanah di bawah pengurusan nazir yang diamanahkan untuk mengurus wakaf ini bagi tujuan kebaikan dan manfaat ummah. Para ulama di zaman silam telah menggunakan istilah wakaf ad-darahim atau wakaf ad-dananir iaitu wakaf menggunakan wang dirham atau dinar dalam kehidupan mereka. Namun ulama menetapkan bahawa seandainya penggunaannya menyebabkan menjadi habis, maka mata wang tidak boleh dijadikan harta wakaf. Imam Az-Zuhri telah memfatwakan bahawa berwakaf dalam bentuk dinar dan dirham adalah diharuskan bagi tujuan berdakwah, kebaikan ummah dan pendidikan umat Islam. wang tunai lebih mudah diuruskan berbanding harta tetap seperti tanah dan sebagainya. Secara umumnya wakaf tunai ini dilaksanakan adalah bertujuan untuk mengumpulkan dana dari kalangan umat Islam yang kemudiannya dapat dimanfaatkan bagi kepentingan pembangunan dan kebaikan ummah. Bentuk fizikalnya yang mudah alih memungkinkan fungsinya dipelbagai. Menurut catatan sejarah, Empayar Uthmaniyyah di Turki mencapai kegemilangan dengan bantuan amalan wakaf tunai yang meluas ketika itu sehingga berjaya meringankan perbelanjaan kerajaan serta menjadi pelengkap kepada

usaha-usaha pembangunan dalam penyediaan kemudahan-kemudahan perkhidmatan pendidikan, kesihatan, perbandaran dan seumpamanya kepada masyarakat Turki.

4. Wakaf Saham

Setelah pendekatan wakaf tunai sudah mula diamalkan, terbitlah konsep wakaf saham pula. Melalui skim wakaf saham ini, Majlis Agama Islam Negeri bertindak sebagai pemegang amanah dan peserta perlu membeli saham-saham wakaf tadi kemudian mewakafkannya. Wang sumbangan jualan saham akan dikumpulkan di bawah satu dana khas dan akan disalurkan kepada program berbentuk ekonomi, pendidikan, sosial dan am, bergantung kepada pilihan yang dibuat oleh peserta. Walaupun secara amnya skim wakaf saham ini juga merupakan satu bentuk wakaf tunai, tetapi ia dibataskan kepada projek-projek tertentu sahaja dan wang tersebut tidak dikembangkan secara terus melalui instrumen-instrumen pelaburan moden. Ini mungkin disebabkan kekurangan kepakaran mahupun dari segi sumber dana yang terkumpul. Sebagai contoh, wakaf saham yang diamalkan oleh Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) adalah saham-saham wakaf yang mempunyai nilai tertentu akan ditawarkan kepada orang ramai untuk dibeli dan dikumpulkan bagi mewujudkan dan membangunkan harta-harta wakaf yang dilabur. Dengan cara ini, individu yang tidak mempunyai harta atau tidak mampu untuk mendapatkan harta untuk diwakafkan dapat melaksanakan ibadat wakaf ini secara kolektif. Selain negeri Johor, antara yang mengamalkan wakaf saham ini adalah Majlis Agama Islam Negeri (MAIN): Melaka, Selangor, Pahang dan Pulau Pinang serta Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (Yapeim).

5. Wakaf Takaful

Wakaf takaful ini berkonseptan wakaf dalam takaful. Mekanisma perlaksanaannya ialah satu tabung wakaf perlu ditubuhkan terlebih dahulu oleh pengendali takaful atau syarikat. Tabung wakaf ini diadakan hasil daripada sebahagian modal syarikat yang diwakafkan untuk peserta-peserta yang ditimpa musibah mengikut peraturan-peraturan penggunaan dana. Dana dalam tabung wakaf ini juga akan dilaburkan sama seperti model-model yang lain iaitu model mudharabah, model wakalah ataupun model hybrid. Jumlah wang yang diwakafkan ini, dilaburkan berdasarkan konsep mudharabah, di mana keuntungannya dimasukkan ke dalam tabung khas untuk tujuan pelaksanaan matlamat-matlamat wakaf. Dana takaful merupakan satu entiti yang sah di sisi undang-undang yang memungkinkannya memiliki harta dan melakukan pelaburan serta memberi pemilikan kepada orang lain berdasarkan peraturan yang ditetapkan. Dana ini tidak dimiliki oleh mana-mana pihak. Sebarang pihak yang ingin mendapatkan perlindungan takaful boleh menyertai keanggotaan dana dengan cara melakukan sumbangan mengikut peraturan yang ditetapkan. Sebarang sumbangan daripada peserta akan menjadi milik dana wakaf. Sumbangan yang diberikan tidak dikira sebagai harta wakaf, namun dianggap sebagai hak milik sumber wakaf. Oleh hal yang demikian, jumlah sumbangan tersebut tidak wajib disimpan sebagaimana wang wakaf. Sumbangan tersebut akan dilaburkan untuk maslahah dana, dan kemudian dibelanjakan bersama-sama dengan keuntungan untuk pembayaran pampasan dan tujuan-tujuan wakaf yang lain. Dalam keadaan ini, Muhammad Taqi Usmani berpendapat bahawa model wakaf sebenarnya lebih selari dengan konsep asas Takaful yang menggambarkan rancangan perlindungan berdasarkan kepada hubungan persaudaraan insan, rasa saling bertanggungjawab dan saling bekerjasama dalam kalangan peserta. Hal ini demikian kerana dana wakaf adalah dikumpulkan berdasarkan sumbangan awal daripada modal peserta untuk membantu umat Islam yang memerlukan. Beliau menganggap dana model wakaf ini sebagai entiti yang sah di sisi undang-undang, sedangkan dana takaful sememangnya mempunyai status entiti undang-undang. Sumbangan dana ini bukan berdasarkan keuntungan tetapi dikendalikan untuk menjaga kebijakan bersama, di mana penyumbang rela memberikan kepada ahli masyarakat yang kurang bernasib baik.

6. Wakaf Korporat

Bentuk wakaf yang paling kontemporari di negara ini ialah pelaksanaan wakaf korporat yang diperkenalkan oleh Johor Corporation Berhad (JCorp). Wakaf korporat ini dipercayai merupakan yang pertama dilaksanakan oleh sebuah institusi bisnes korporat di dunia. Ia diuruskan oleh anak syarikatnya iaitu Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp) yang merupakan sebuah syarikat berhad dengan jaminan JCorp sendiri. WANCorp ditubuhkan untuk menguruskan aset dan saham-saham syarikat kumpulan JCorp yang diwakafkan di samping berperanan sebagai 'maukuf alaihi' ke atas semua saham-saham dan lain-lain bentuk sekuriti syarikat JCorp.

KESIMPULAN

Zakat merupakan salah satu sumber kewangan dalam usaha mengatasi masalah kemiskinan iaitu dengan cara memperuntukkan sebahagian besar dana yang diperolehi kepada golongan fakir miskin terutamanya yang cacat anggota bagi membantu mereka menyara hidup selain dapat dimanfaatkan sebagai modal untuk mereka menjalankan pekerjaan. Saran hidup yang diberi dengan kadar mencukupi sesuai mengikut keadaan ekonomi, masa, tempat dan keperluan mereka agar dapat dibelanjakan bagi mencukupkan keperluan makan minum, pakaian, tempat tinggal, pelajaran dan kesihatan. Kajian ini telah berjaya membuktikan bahawa zakat sebagai instrumen semula jadi Islam boleh berperanan sebagai pemangkin kepada kebangkitan ekonomi negara ketika negara berusaha mencapai status negara berpendapatan tinggi. Zakat sekiranya dilaksanakan dengan berkesan dan cekap bukan hanya dapat meningkatkan ketakwaan dan spiritual masyarakat terhadap Yang Maha Esa tetapi juga meningkatkan tahap sosio ekonomi ummah secara keseluruhannya. Projek-projek pembangunan ekonomi yang dilaksanakan di Malaysia adalah menggunakan harta wakaf itu sendiri, hasil pulangan dari harta wakaf atau dari kumpulan wang dana saham wakaf. Projek-projek tersebut memberi kesan kepada pembangunan ekonomi secara langsung mahupun tidak langsung kepada masyarakat Islam. Berdasarkan analisa terhadap amalan wakaf yang dilaksanakan semenjak awal Islam serta pelaksanaannya di Malaysia, dapat dirumuskan bahawa wakaf berperanan dalam pembangunan ekonomi dalam menyediakan keperluan masyarakat Islam

RUJUKAN

Al-Quran Karim

- Ahmad Shahir Makhtar, Adibah Abdul Wahab (2010) Pengurusan zakat di negeri Selangor: Isu dan cabaran. Paper presented at Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta dalam Islam 2010 organised by Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam UKM. Bangi.
- Asmak Ab Rahman. 2009. *Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam & Aplikasinya di Malaysia*. Jurnal Syariah. Jilid 17. Bil. 1
- Hailani Muji Tahir. (2007). Institusi Baitulmal dalam Pembangunan Negara. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Husayn, Ahmad Ilyas. (2001). Tarikh al-Ummah al-Islamiyyah. Jil. 1. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Press.
- Kahf, Monzer. (2015). Islamic Economic Development, Policy and Public Finance and Sustainable Development. California: Monzer Kahf.
- Mannan, M. A. (2007). Ekonomi Islam: Teori dan Praktis. Jil. 1 & 2. Terj. Radiah Abdul Kader. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
- Mohd Shukri Hanapi & Zahri Hamat. (2017). Perakaunan zakat pertanian di Malaysia: Analisis dari perspektif cendekiawan Islam klasik dan kontemporari. Dlm. Memperkasa Kutipan dan Agihan Zakat di Malaysia. Zahari Mahad et. al. (pnyt.) Bandar Baru Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhammad Hafiz Badarulzaman dan Siti Nabilah Sulaiman (2016) "Undang-undang Pentadbiran dan Pengurusan Zakat di Malaysia: Perbandingan antara Enakmen Negeri-Negeri" (Prosiding, The 5th International Conference of Law and Society (ICLAS V), UNISZA Kuala Terengganu).

- Normadiah Daud (2009). *Perbandingan antara Sistem Cukai Kharaj dengan Cukai Tanah Konvensional*. Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontempotari, Jilid 2, 127-145
- Siddiqi, S.A. (1984). Early development of zakat law and ijтиhad. *J. Res. Islamic Econ.* 2(1), 69-73.
- Siraj Sait & Hilary Lim. (2006). *Land, Law & Islam: Property & Human Rights In The Muslim World*. London: Zed Book Ltd.
- Zainol Bidin & Kamil Md. Idris. (2009). Sikap, norma subjektif dan kawalan gelagat ditanggap terhadap niat gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji. *International Journal of Management Studies*. 16(1), 31-55.